

Pusingan kerja bentuk penjawat awam lebih fleksibel, berdaya saing



Oleh Prof Madya Dr Md Fauzi Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar baru-baru ini mencadangkan tugas kaunter perkhidmatan kerajaan berkhidmat lebih lima tahun diberi kan peluang bertukar peranan melalui pusingan kerja.

Ini bertujuan memberi pengalaman baharu kepada penjawat awam dan meningkatkan motivasi serta daya saing perkhidmatan awam secara keseluruhan.

Pada 2024, jumlah penjawat awam di Malaysia dianggarkan 1.6 juta orang khususnya dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan.

Pusingan kerja membabitkan pertukaran jawatan dalam tempoh tertentu, memberi peluang kepada penjawat awam memperoleh kemahiran baharu dan memperbaiki kualiti perkhidmatan.

Pendekatan ini sangat relevan dalam menghadapi cabaran baharu seperti teknologi digital dan dasar baharu negara, memertukan sektor awam untuk lebih berkesan.

Salah satu kelebihan pusingan kerja adalah meningkatkan kelesuan kerja dialami penjawat awam sudah lama bertugas dalam satu jawatan.

Perubahan peranan memberi peluang kepada mereka untuk menggerakkan semangat kerja dan meningkatkan prestasi. Sebagai contoh, pegawai bertugas di kaunter perkhidmatan pelanggan boleh dipindahkan ke bahagian pengurusan sumber manusia untuk memperoleh pengalaman baru. Pendekatan ini juga meningkatkan daya saing

penjawat awam kerana mereka memperoleh pendidikan kepada pelbagai aspek pengurusan dan operasi dalam organisasi.

Pusingan kerja juga memperkuat budaya kerja yang inklusif dan bekerjasama. Penjawat awam bertukar peranan dapat berinteraksi dengan rakan sekerja dari jabatan lain, membantu menyelesaikan masalah dan pelaksanaan dasar kerajaan.

Misalnya, pegawai bahagian kewangan dipindahkan ke perancangan strategik boleh memberikan pandangan kewangan lebih mendalam bagi merangka dasar baharu.

Peluang khusus pelbagai kemahiran

Kepayaan untuk menguasai pelbagai kemahiran menjadikan penjawat awam lebih fleksibel dan berdaya saing, bukan sahaja dalam sektor awam tetapi juga di sektor swasta.

Namun, pelaksanaan pusingan kerja menghadapi beberapa cabaran. Salah satunya adalah keperluan untuk menyediakan latihan semula bagi penjawat awam dipindahkan ke peranan baharu. Latihan ini penting untuk memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan cekap.

Selain itu, penjawat awam sudah lama bertugas dalam satu jawatan mungkin menghadapi kesukaran menyesuaikan diri, boleh menjelaskan prestasi mereka. Oleh itu, sokongan psikologi dan kaunseling daripada pihak pengurusan sangat penting untuk membantu mereka melalui peralihan ini.

Dari segi logistik, pusingan kerja memerlukan perancangan teliti untuk memastikan kelancaran pelaksanaannya. Jadual pertukaran perlu disusun dengan baik bagi mengelakkan gangguan terhadap operasi harian.

Selain itu, isu seperti kos perpindahan, elaun tambahan dan pengurusan penempatan semula kakitangan perlu diberi perhatian. Tanpa perancangan rapi, pusingan kerja berisiko menjadi beban kepada organisasi.

Bagi memastikan keberkesanan pusingan kerja, komunikasi jelas antara pengurusan dan penjawat awam adalah kritikal. Penjawat awam perlu memahami tujuan dan manfaat pusingan kerja. Sesi taklimat, bengkel dan dialog terbuka boleh diadakan untuk meningkatkan penerimaan terhadap inisiatif ini.

Selain itu, kerajaan perlu mengenal pasti kumpulan sasaran sesuai untuk pusingan kerja berdasarkan prestasi dan potensi serta menyediakan latihan komprehensif bagi membekalkan penjawat awam dengan kemahiran diperlukan.

Sokongan kukuh melalui mentor, kaunseling dan panduan kerja jelas akan membantu penjawat awam menyesuaikan diri dengan peranan baharu mereka. Pemantauan dan penilaian secara berkala penting untuk memastikan pusingan kerja mencapai matlamatnya.

Berdasarkan maklum balas dan analisis prestasi, pelaksanaan pusingan kerja dapat diperbaiki pada masa akan datang.

Kesimpulannya, pusingan kerja adalah langkah strategik meningkatkan daya saing dan membangunkan kemahiran penjawat awam. Walaupun terdapat cabaran, perancangan teliti, latihan mencukupi dan komunikasi berkesan dapat mengatasi halangan ini.

Pusingan kerja berpotensi menjadi pemangkin kepada transformasi sektor awam lebih dinamik dan cekap, akhirnya meningkatkan mutu perkhidmatan awam dan memenuhi keperluan rakyat.